

## KEPEMIMPINAN SUAMI DALAM PERSPEKTIF ISLAM: FUNGSI DALAM MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI KELUARGA

### Husband's Leadership in Islamic Perspective: Role in Strengthening the Family Institution

Siti Halimah Putung<sup>1</sup>  
Raihanah Azahari<sup>2</sup>

#### ABSTRACT

*Leadership in an institution or organization is very important in determining the success or failure of any institutions. The need to have good leadership is even more important in a family institution as it is the first institution in human's life which affect all stages of life. However, good leadership today is no longer practised in many families which cause various problems to arise in a family. Marital problems such as alimony, nusyuz, disloyal, communication problem, no religious upbringing and more are closely related to the aspect of husband' leadership in a family. Thus, this article discusses the husband' leadership from the Islamic perspective as an important aspect which should be given attention and empowered to strengthen the family institution in this country. This research studied and analysed literature*

<sup>1</sup> Ph.D Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, iva180016@siswa.um.edu.my

<sup>2</sup> Associate Professor, Department Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, raihan@um.edu.my

*writings of Islamic scholars, especially the tafsīr; ḥadīth and fiqh scholars for clarification of husband's leadership and its functions in a family institution. The study found that husband's leadership has a wide meaning and it consists of three important functions namely protection, guidance and control. A good understanding on husband's leadership and its function in a family institution will improve the understanding of integrity and persistence of a family as well as to prevent misunderstanding about the concept of leadership in a family.*

**Keywords:** leadership, husband, strengthening, family, Islam

## PENGENALAN

Kepemimpinan adalah satu konsep yang bersifat sejagat dan diperlakukan dalam urusan seharian manusia. Kepemimpinan sangat penting dalam setiap peringkat kehidupan manusia bermula dari diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Kepemimpinan yang baik dalam sebuah organisasi misalnya, telah dikenalpasti sebagai aspek penting yang mempengaruhi perkembangan dan kejayaan sesebuah organisasi. Di bawah kepemimpinan yang baik, visi dan misi sesebuah organisasi tercapai, permasalahan dan cabaran dapat dikenalpasti dan diatasi, keputusan penting dapat dibuat, tindakan dan tugas dapat dilaksanakan dengan segera, sikap saling percaya dan kerjasama antara ahli dapat dipupuk.<sup>3</sup>

Demikian juga dalam institusi kekeluargaan, keperluan terhadap kepemimpinan berkualiti lebih utama berbanding institusi lain kerana institusi keluarga merupakan institusi pertama dalam hidup manusia yang mempengaruhi seluruh peringkat kehidupan manusia.<sup>4</sup> Kesejahteraan keluarga juga bergantung pada sejauhmana kepemimpinan keluarga berperanan dan berfungsi.<sup>5</sup> Pemimpin keluarga yang dapat menjalankan kepemimpinannya

<sup>3</sup> Kevin A. Galbraith, Jay D. Schvaneveldt, 'Family Leadership Styles and Family Well-being', *Family and Consumer Sciences Research Journal* (2005): 220-239.

<sup>4</sup> Sayyid, Qutb, *Tafsīr Fī Zilal al-Quran* (Selangor: Pustaka Aman Press, 2000), 323.

<sup>5</sup> Arda Dinata, *Keluarga Penuh Cinta* (Pangandaran: Arda Publishing, 2018), 22.

dengan baik dapat membangun keluarga yang sejahtera<sup>6</sup> dan menjalankan fungsi-fungsinya.<sup>7</sup>

Selain itu, keseimbangan sistem keluarga dapat dicapai melalui aspek kepemimpinan seperti melalui kawalan dan disiplin, gaya perundingan, peranan dan peraturan hubungan.<sup>8</sup> Hal ini menunjukkan aspek kepemimpinan dalam sebuah keluarga mampu memberikan impak positif kepada keutuhan dan daya tahan keluarga.<sup>9</sup>

Walau bagaimanapun, kepemimpinan yang baik tidak dipraktikkan dalam kebanyakan keluarga hari ini.<sup>10</sup> Pengabaian tanggungjawab oleh suami sebagai pemimpin utama dalam sebuah keluarga mengakibatkan permasalahan rumah tangga yang lebih serius.<sup>11</sup> Aduan mengenai suami mencetuskan pelbagai masalah dalam rumah tangga mencatatkan angka tertinggi di jabatan-

<sup>6</sup> Asmawati Desa, Fatimah Yussooff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba'yah Abdul Kadir, Mohd Norahim Mohamed Sani, 'Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga dan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibumanya', *Jurnal Psikologi Malaysia* (2015): 32-42; Kevin A. Galbraith, Jay D. Schvaneveldt, 'Family Leadership Styles and Family Well-being', 220-239.

<sup>7</sup> Muhammad Zaairul Haq, Sekar Dina Fatimah, *Cara Jitu Mendidik Anak Agar Saleh dan Salehah* (Jakarta: Kompas Gramedia, 2015), 55.

<sup>8</sup> Norfaezah Md Khalid, 'Kesan Kefungsian Keluarga Asal, Perbezaan Kendiri dan Sikap terhadap Peranan Gender ke atas Kualiti Perkahwinan' (Tesis Ph.D, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016), 56.

<sup>9</sup> Kevin A. Galbraith, Jay D. Schvaneveldt, 'Family Leadership Styles and Family Well-being', 220-239.

<sup>10</sup> Kevin A. Galbraith, Jay D. Schvaneveldt, 'Family Leadership Styles and Family Well-being', 220-239.

<sup>11</sup> Raihanah Azahari, 'Permasalahan Rumah Tangga: Kajian di Unit Undang-undang Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor', *Jurnal Syariah*, vol.15, no. 1 (2007): 115-128.

jabatan agama.<sup>12</sup> Gagal menjalankan tanggungjawab utama sebagai pemimpin keluarga merupakan faktor utama berlaku konflik<sup>13</sup> dan perceraian.<sup>14</sup>

Tidak hanya itu, suami yang mengabaikan didikan agama kepada isteri dan anak-anak dikatakan turut menyumbang kepada permasalahan rumah tangga dan perceraian.<sup>15</sup> Suami yang membiarkan nusyuz isteri tanpa mengambil langkah-langkah pencegahan dan penyelesaian, mengakibatkan permasalahan rumah tangga berlarutan.<sup>16</sup> Bahkan masalah isteri nusyuz, keluar rumah tanpa

<sup>12</sup> Raihanah Azahari, ‘Factors Contribute to Marital Problems among Malay Women: A Case Study in Malaysia”, *Jurnal Syariah* (2008): 245-268; Abe Sohpian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar, ‘Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010’, *Jurnal Islamiyyat* (2014): 5-20; Norizan Abdul Ghani, Iylia Nur Hanis Norris, Berhanundin Abdullah, Mohd. Fazil Ahmad, Nurdina Iman Zulkifli, Mohammad Rakibul Hasan, ‘Divorce Trends among the Malay Community in Perlis, Malaysia over a Ten Year Period 2006 ~ 2015’, *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7, no. 4 (2017): 271-283.

<sup>13</sup> Nurhanisah Gunawan, Raihanah Azahari, ‘Penghayatan Islam dan Hubungannya dengan Konflik Rumahtangga; Kajian di Unit Runding Cara Bahagian Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Selangor’, *Jurnal Syariah*, vol. 24, no. 3 (2016): 393-422.

<sup>14</sup> Abe Sohpian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar, “Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010”, 5-20; Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Jasmi, ‘Pengabaian Tanggungjawab Suami terhadap Hak Isteri dalam Kalangan Orang-orang Melayu’, dalam *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*, ed. Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin, Che Hashim Hassan (Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributor Sdn. Bhd., 2006), 66; Zulkifli Dahalan, ‘Krisis Rumahtangga di Kalangan Pasangan Islam: Kajian terhadap Kes-kes yang Dilaporkan di Mahkamah Syariah Bukit Mertajam’, *ESTEEM Academic Journal* (2003): 59-66.

<sup>15</sup> Abe Sohpian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar, ‘Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010’, 5-20; Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Jasmi, ‘Pengabaian Tanggungjawab Suami terhadap Hak Isteri dalam Kalangan Orang-orang Melayu’, 66.

<sup>16</sup> Junainah Hanim Mohamed Nor, ‘Ta’dib Zawjat: Kajian di Unit Runding Cara Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Perak’ (Tesis Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 149.

izin, bergaul bebas dengan rakan-rakan, menjalin hubungan dengan lelaki lain dan curang menjadi punca utama keretakan rumah tangga di pihak suami.<sup>17</sup>

Selain itu, masalah komunikasi dan layanan buruk suami kepada isteri juga antara masalah kritis dalam rumah tangga yang telah dikenalpasti pengkaji lepas mencetuskan konflik dan membawa kepada perceraian.<sup>18</sup> Suami tidak memperlakukan isteri dengan baik, tidak menghormati isteri, menghina isteri, memukul isteri dan sebagainya. Dapatan kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut memperlihatkan masalah komunikasi, iaitu tiada persefahaman antara suami isteri sebagai punca utama berlaku perceraian.<sup>19</sup>

Situasi dan permasalahan di atas menunjukkan keutuhan dan kefungsian keluarga berkait rapat dengan aspek kepemimpinan suami. Kegagalan suami berfungsi dan menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemimpin dalam sebuah keluarga telah mengakibatkan permasalahan rumah tangga yang lebih serius. Justeru itu, artikel ini mewacanakan kepemimpinan suami dalam

<sup>17</sup> Zulkifli Dahalan, ‘Krisis Rumah Tangga di Kalangan Pasangan Islam: Kajian terhadap Kes-kes yang Dilaporkan di Mahkamah Syariah Bukit Mertajam’, 59-66; Raihanah Azahari, ‘Permasalahan Rumah Tangga: Kajian di Unit Undang-undang Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor’, 115-128; Raihanah Azahari, ‘Factors Contribute to Marital Problems among Malay Women: a Case Study in Malaysia’, 245-268; Abe Sohpian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar, ‘Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010’, 5-20; Mariam Abd Majid, Mohammad Syafirul Zarif Salleh Hudin, ‘Perceraian Rumah Tangga di Selangor Darul Ehsan dan Pendekatan Menanganinya’, *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 4, no.2 (September 2017): 285-303.

<sup>18</sup> Zulkifli Dahalan, ‘Krisis Rumah Tangga di Kalangan Pasangan Islam: Kajian terhadap Kes-kes yang Dilaporkan di Mahkamah Syariah Bukit Mertajam’, 59-66; Raihanah Azahari, ‘Permasalahan Rumah Tangga: Kajian di Unit Undang-undang Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor’, 115-128; Raihanah Azahari, ‘Factors Contribute to Marital Problems among Malay Women: a Case Study in Malaysia’, 245-268; Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah, Syazwana Aziz, ‘Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat: Eksplorasi Faktor’, *Jurnal Sains Sosial* 1 (2016): 36-52; Norizan Abdul Ghani, Iylia Nur Hanis Norris, Berhanundin Abdullah, Mohd. Fazil Ahmad, Nurdina Iman Zulkifli, Mohammad Rakibul Hasan, ‘Divorce Trends among the Malay Community in Perlis, Malaysia over a Ten Year Period 2006 ~ 2015’, 271-283.

<sup>19</sup> Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga dan Negara, *Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima 2014*, 24.

perspektif Islam bagi memahami bagaimana kepemimpinan suami dalam keluarga berfungsi dan sejarnya diperlakukan. Hal ini kerana kekurangan mengenai konsep kepemimpinan dalam keluarga boleh mengakibatkan suami bertindak sewenangnya kepada isteri dan anak-anak<sup>20</sup> sehingga berlaku penganiayaan dan penderaan. Untuk itu, penulisan ulama Islam khususnya ulama tafsir, hadis dan fiqh diteliti dan dianalisis bagi mendapatkan penjelasan mengenai kepemimpinan suami dalam keluarga dan fungsinya.

## KEPEMIMPINAN SUAMI DALAM KELUARGA

Keluarga adalah institusi terpenting dan pertama dalam kehidupan manusia. Keluarga juga merupakan asas kepada kehidupan bermasyarakat dan berbangsa. Baik keluarga baiklah masyarakat dan negara. Dengan sebab itu, Sayyid Qutb mengatakan institusi keluarga mesti diurus tadbir oleh seorang pemimpin.<sup>21</sup> Kerana pemimpin keluarga yang dapat mengemudi keluarga dengan baik akan membangun keluarga yang sejahtera dan menjalankan fungsi-fungsinya.<sup>22</sup>

Dalam konteks Islam, suami merupakan individu yang memegang peranan terbesar dan terpenting dalam keluarga, iaitu pemimpin kepada keluarganya. Kepemimpinan suami dalam keluarga dijelaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah SWT:

الرَّجُلُ قَوْمُونَكَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا  
أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

“Kaum lelaki adalah pemimpin bagi wanita, kerana Allah telah melebihkan orang lelaki atas wanita, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan dari harta mereka”.

(Surah al-Nisā, 4: 34)

Kalimah *qawwāmūn* dalam ayat ini ditafsirkan ulama sebagai pemimpin. Suami adalah pemimpin kepada isterinya. Dari segi bahasa *qawwāmūn* adalah kata jamak bagi *qawwām* yang berasal dari kata *qāma yaqūmu qauman wa*

<sup>20</sup> Asral Puadi, ‘Peranan Suami dalam Membangun Keluarga Sakinah,’ (Tesis Doktor Falsafah, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2008).

<sup>21</sup> Sayyid, Qutb, *Tafsīr Fī Zilal al-Qurān* (Selangor: Pustaka Aman Press, 2000), 323.

<sup>22</sup> Asmawati Desa, Fatimah Yusoff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba’yah Abdul Kadir, Mohd Norahim Mohamed Sani, ‘Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga dan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibubapa’, 32-42; Muhammad Zaafirul Haq, Sekar Dina Fatimah, *Cara Jitu Mendidik Anak agar Saleh dan Salehah*, 55.

*qiyāman* yang bermaksud memelihara, menjaga dan melakukan pembaikan. Jika orang melaksanakan sesuatu tugas sebaik mungkin, berulang-ulang dan berterusan maka ia dipanggil *qawwām*. Jika dikatakan *qayyim al-mar'ah* ia bermaksud suami kerana suami bertanggungjawab mengatur urusan isteri.<sup>23</sup>

Dalam *Lisān al-'Arab* kata *qawwāmūn* dalam ayat 34 surah al-Nisā di atas didefinisikan sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap hal-ehwal isteri dan prihatin dengan keadaannya.<sup>24</sup> Pengertian ini mempunyai cakupan makna yang luas menunjukkan pemimpin keluarga tidak sekadar bertanggungjawab terhadap hal ehwal isterinya bahkan dituntut untuk sentiasa prihatin dan peduli dengan keadaan isteri.

Menurut Ibn al-'Arabī *qawwāmūn* merujuk kepada orang yang diserahkan urusan kepadanya, yang melindungi dan memberi rasa aman, mengurus segala keperluan serta memperbaiki keadaannya.<sup>25</sup>

Sementara Ibn 'Atīyyah<sup>26</sup> dan al-Qurtubī<sup>27</sup> menyatakan perkataan '*qawwām*' daripada wazan '*fa* "āl'

 menunjukkan berlebihan dalam menjaga dan melakukan pembaikan terhadap sesuatu, berautoriti mengatur dan menjaganya dengan bersungguh-sungguh.

Menurut al-Rāzī, maksud suami pemimpin kepada isteri ialah suami mempunyai autoriti dalam mendidik dan melarang isterinya.<sup>28</sup> Ini senada dengan tafsiran al-Tabarī mengenai maksud *qawwāmūn* iaitu suami adalah individu yang bertanggungjawab mendidik dan melarang isterinya dalam hal-hal berkaitan dengan kewajipannya kepada Allah SWT dan suaminya.<sup>29</sup> Namun begitu tafsiran al-Rāzī memperlihatkan kepemimpinan sebagai satu autoriti atau kekuasaan, sebaliknya al-Tabarī menggambarkan kepemimpinan sebagai satu obligasi atau kewajipan.

<sup>23</sup> Ibn Manzūr, Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukrim, *Lisān al-'Arab*, vol. 12 (Bayrūt: Dar Ṣādir, t.t.), 502.

<sup>24</sup> Ibn Manzūr, Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukrim, *Lisān al-'Arab*, 503.

<sup>25</sup> Ibn al-'Arabī, Abū Bakr Muḥammad bin 'Abd Allāh, *Aḥkām al-Qur'an*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 530.

<sup>26</sup> Abū Muḥammad 'Abd al-Ḥaq bin 'Atīyyah, *al-Muḥarrir al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Aẓīm* (t.t.p: Dār Ibn Ḥazm, 2010), 431.

<sup>27</sup> Al-Qurtubī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ahmad bin Abī Bakr, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'an*, vol. 5 (Qāhirah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), 280.

<sup>28</sup> Al-Rāzī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin 'Umar bin Ḥasan bin Ḥusin, *Mafātīh al-Ghayb al-Tafsīr al-Kabīr*, vol. 10 (Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1420), 70.

<sup>29</sup> Al-Tabarī, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr bin Yazid bin Kathīr, *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'an*, vol. 8 (Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 2000), 290.

Demikian juga al-Baghawī mentafsirkan suami sebagai pemimpin kepada isteri bermaksud suami mempunyai autoriti mendidik isteri. Perkataan *qawwām* dirujuk kepada orang yang bertanggungjawab melakukan pemberian, mengatur dan mendidik.<sup>30</sup>

Sementara Ibn Kathīr mengatakan suami pemimpin kepada isteri bermaksud suami mengurus segala hal ewhal isteri, ketua, penguasa dan pendidik kepada isteri jika isteri melakukan kesilapan.<sup>31</sup> Tafsiran Ibn Kathīr memberi gambaran bahawa suami tidak hanya dianggap sebagai pengurus dan pendidik bahkan ketua dan penguasa yang membawa implikasi kepatuhan dan ketaatan pada setiap perintahnya. Ini selaras dengan pandangan al-Zamkhasharī yang mengatakan suami merupakan pemimpin kepada isteri berfungsi memimpin isteri, menyuruh dan melarangnya sejatinya seorang penguasa memimpin rakyatnya.<sup>32</sup>

Manakala al-Marāghī memberikan perspektif yang sedikit berbeza dalam mentafsirkan suami sebagai pemimpin kepada isteri kerana menurut al-Marāghī suami memimpin isteri dengan melindungi dan menjaganya.<sup>33</sup> Pentafsiran ini memberikan implikasi bahawa kepemimpinan suami terhadap isteri mestilah bertujuan melindungi dan menjaganya. Hal ini bertepatan dengan maksud kepemimpinan suami sebagaimana disebutkan hadis.

أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْؤُلٌ عَنْ رِعْيَتِهِ، فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ  
وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْ رِعْيَتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْهُمْ.

*“Ketahuilah setiap kalian adalah pemimpin dan setiap dari kalian bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Seorang imam (pemerintah) yang menjadi pemimpin dalam kalangan manusia dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya, seorang lelaki adalah pemimpin kepada ahli keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap mereka.”<sup>34</sup>*

<sup>30</sup> Al-Baghawī, Abū Muḥammad al-Ḥasan bin Mas‘ūd bin Muḥammad bin al-Farrā’, *Tafsīr al-Baghawī*, vol. 1 (Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1420), 611.

<sup>31</sup> Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aṣṭām* (Riyāḍ: Dār Tayyibah, 1999), 292.

<sup>32</sup> Al-Zamkhasharī, Abū al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar, *Tafsīr al-Kashāf* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 2009), 234.

<sup>33</sup> Al-Marāghī, Aḥmad al-Muṣṭafā, *Tafsīr al-Marāghī*, vol. 5 (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1946), 27.

<sup>34</sup> Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Dimashq: Dār Ibn Kathīr, 2002), 1764, ‘Kitāb al-Āḥkām’, ‘Bāb Sūrah al-Nisā’ 59’, no. hadis 7138.

Hadis ini menjelaskan suami adalah pemimpin kepada keluarganya. Seorang pemimpin merupakan penjaga yang diberikan amanah, komited menjaga apa yang diamanahkan kepadanya dan dia dituntut berlaku adil serta melakukan perkara-perkara yang mendatangkan kemaslahatan kepada individu di bawah jagaannya.<sup>35</sup> Lantaran itu, sebagai pemimpin keluarga suami bertanggungjawab sepenuhnya menjaga ahli keluarganya, keperluan dan urusan mereka.<sup>36</sup> Termasuk memberikan pendidikan dan pengajaran serta berusaha menjauhkan anasir-anasir negatif daripada mempengaruhi kehidupan keluarganya.

Berdasarkan tafsiran ulama di atas dapat dirangkumkan maksud suami pemimpin dalam sebuah keluarga ialah suami merupakan individu berautoriti, bertanggungjawab dan prihatin terhadap hal ehwal keluarga dan keperluan mereka dengan melindungi dan menjaga, mendidik dan membimbing, mengurus dan mengatur keluarganya. Oleh itu, kepemimpinan suami dalam keluarga dapat diertikan sebagai satu proses bagaimana suami menjalankan tanggungjawabnya sebagai pelindung, penjaga, pendidik, pembimbing, pengurus dan pengatur kepada keluarganya selaras dengan kehendak Islam. Hal ini menunjukkan kepemimpinan suami mempunyai pengertian yang luas dan menyeluruh, terangkum padanya kewajipan dan fungsi penting dalam sebuah keluarga.

## FUNGSI KEPEMIMPINAN SUAMI DALAM KELUARGA

Dalam konteks umum, masyarakat memahami pemimpin keluarga adalah individu yang bertanggungjawab mengurus urusan-urusan besar dalam rumah tangga seperti mencari nafkah, menjaga hubungan rumah tangga dengan masyarakat dan urusan-urusan lain yang melibatkan kehidupan sosial.

Sementara dalam perspektif Islam, tanggungjawab seorang pemimpin keluarga jauh lebih besar dan berat. Sebab itu suami dianggap mempunyai kelebihan ke atas isterinya satu darjah lantaran tanggungjawab kepemimpinan yang dipikulnya menurut sebahagian ahli tafsir<sup>37</sup> berdasarkan firman Allah SWT;

<sup>35</sup> ‘Asqalānī, Ahmad bin ‘Alī bin Hajar, *Fath al-Bārī*, vol. 23 (Bayrūt: al-Risālah al-‘Ālamiyah, 2013), 228; Muhammad Shams al-Haqq, ‘Awn al-Ma’būd Sharh Sunan Abī Dāwud, vol. 4 (Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif, 2009), 152.

<sup>36</sup> Muhammad Shams al-Haqq, *Awn al-Ma’būd Sharh Sunan Abī Dāwud*, 152.

<sup>37</sup> Yusof al-Qaradawi, *Flexibility Islam* (Selangor: Syabab Book Link, 2012), 455.

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْنَا بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ

“Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya)”.

(Surah al-Baqarah, 2: 228)

Ini menunjukkan darjat yang dimiliki suami bukanlah satu bentuk kemuliaan atau ketinggian kedudukan lelaki berbanding wanita tetapi beban tanggungjawab. Menjalankan tanggungjawab kepemimpinan dalam keluarga tidak sekadar memenuhi tanggungjawab semata-mata. Bahkan ia mempunyai fungsi tertentu, jika dilaksanakan dengan baik dan mengikut panduan yang telah digariskan Islam, dapat memberikan impak positif kepada kehidupan berkeluarga. Berikut antara fungsi penting kepemimpinan suami dalam keluarga;

## 1. Perlindungan

Fungsi utama kepemimpinan suami dalam keluarga adalah memberikan perlindungan kepada ahli keluarganya. Yusuf Ali dalam tafsirnya<sup>38</sup> menterjemahkan perkataan *qawwām* sebagai pelindung dan bertanggungjawab terhadap wanita. Ini kerana *qawwām* menurut beliau seseorang yang berdiri teguh menghadapi urusan orang lain, melindungi segala kepentingannya serta menjaga segala urusannya. Dengan sebab itu, suami bertanggungjawab menjaga dan melindungi isterinya.

Hal yang sama dikatakan al-Marāghī bahawa suami memimpin isteri dengan melindungi dan menjaganya.<sup>39</sup> Hal ini menggambarkan memberi perlindungan kepada isteri mahupun keluarga merupakan fungsi utama kepemimpinan suami. Terdapat dua bentuk perlindungan yang menjadi tanggungjawab suami sebagai pemimpin dalam keluarga iaitu;

**a. Perlindungan fizikal;** kewajipan memenuhi keperluan material keluarga atau nafkah merupakan bentuk perlindungan yang dapat menjamin keselamatan dan keselesaan aspek fizikal bagi kelangsungan hidup mereka. Bahkan

<sup>38</sup> Abdullah, Yusuf Ali, *Tafsir Yusuf Ali Teks, Terjemahan dan Tafsir Quran 30 Juz*, vol. 1, Terjemah Ali Audah (Jakarta: Pustaka Litera AntarNusa, 2009), 193.

<sup>39</sup> Al-Marāghī, Aḥmad al-Muṣṭafā, *Tafsīr al-Marāghī*, 27.

kesempurnaan kepemimpinan suami terletak pada tanggungjawab memenuhi keperluan material keluarganya sebagaimana firman Allah SWT:

الرَّجُلُ قَوْمُونَكَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَّبِمَا  
أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

*“Kaum lelaki adalah pemimpin bagi wanita, kerana Allah telah melebihkan orang lelaki atas wanita, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan dari harta mereka”.*

(Surah al-Nisā, 4: 34)

Berdasarkan ayat ini dapat difahami, suami yang menjadi pemimpin dalam sebuah keluarga mestilah suami yang dapat memenuhi keperluan material keluarganya. Dengan sebab itu, Jumhur ulama mengatakan hak kepemimpinan suami terhadap isteri akan hilang dengan kegagalan suami menyediakan keperluan material isteri dan perkahwinan boleh difasakhkan dalam mazhab Shāfi‘ī dan Mālik.<sup>40</sup> Keperluan material yang perlu disediakan suami termasuk keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain mengikut kemampuan dan kedudukan kewangannya. Berhubung hal ini Allah SWT berfirman:

وَعَلَى الْأَوْلَادِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكَسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسًَ إِلَّا وُسْعَهَا

*“Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma‘ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya.”*

(Surah al-Baqarah, 2: 233)

Ayat ini menjelaskan seorang ayah wajib memberikan makanan dan pakaian kepada ibu dengan cara yang makruf iaitu tidak kikir mahupun boros dalam memberikan nafkah tetapi mengikut kebiasaan di tempat tersebut dan kemampuan suami<sup>41</sup> kerana Allah SWT berfirman dalam ayat lain:

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرْهُ إِلَى مَيْسَرَةٍ

<sup>40</sup> Al-Qurtubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr, *Al-Jāmi’ li Aḥkām al-Quran*, 280.

<sup>41</sup> Al-Tabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazid bin Kathīr, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, vol. 2 (Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 1994), 58-59; Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, vol. 1 (t.t.p.: Dār al-Jawzī, 1431), 634; al-Baghawī, Abū Muḥammad al-Ḥasan bin Maṣ‘ūd bin Muḥammad bin al-Farrā’, *Tafsīr al-Baghawī*, 277.

*“Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya.”*

(Surah al-Baqarah, 2: 280)

Kewajipan menyediakan keperluan material ini juga diperingatkan Rasulullah SAW dalam beberapa hadis antaranya;

اتقوا الله في النساء ، فإنكم أخذتموهن بأمانة الله واستحللتم فروجهن  
 بكلمة الله ، وهن عليكم رزقهن وكسوتهم بالمعروف

*“Bertaqwalah kalian dalam hal wanita. Sesungguhnya kalian ambil mereka dengan amanah Allah dan kalian halalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah. Mereka berhak mendapatkan rezeki dan pakaian dari kalian.”*<sup>42</sup>

Jelas dalam hadis di atas kewajipan suami menyediakan keperluan material kepada isterinya khususnya makanan dan pakaian. Sementara tempat tinggal termasuk dalam nafkah yang wajib disediakan suami menurut pandangan mazhab Shāfi’ī, Hanafi berdasarkan firman Allah SWT:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجُودِكُمْ وَلَا نُضَارُوهُنَّ لِتُضَيِّقُوْا عَلَيْهِنَّ

*“Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani ‘iddahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu”.*

(Surah al-Talāq, 65: 6)

Ayat ini menjelaskan wanita yang telah diceraikan suaminya berhak mendapatkan tempat tinggal daripada suaminya. Justeru, seorang isteri yang masih dalam ikatan perkahwinan sudah tentu lebih berhak mendapatkan hak tempat tinggal daripada suaminya tidak kira tempat tinggal tersebut dimiliki, disewa atau diwakafkan.<sup>43</sup>

**b. Perlindungan mental dan emosi;** seorang pemimpin bertanggungjawab melindungi individu di bawah jagaannya dengan melayani mereka dengan

<sup>42</sup> Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim ibn al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Saḥīḥ Muslim* ( t.t.p.: Dār al-Tayyibah, 2006), 556, ‘Kitāb al-Hajj’, ‘Bāb Ḥujjah al-Nabiyy Sallā Allāh ‘Alayh wa Sallam, no. hadis 1218.

<sup>43</sup> Sharbinī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj*, vol. 5 (Bayrūt: Dār al- Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 160.

baik. Demikian juga pemimpin dalam keluarga bertanggungjawab melayani isterinya dan keluarganya dengan baik. Menurut Ibn al-'Arabī suami sebagai pemimpin dalam keluarga merupakan individu yang melindungi dan memberikan rasa aman kepada keluarganya.<sup>44</sup> Al-Tabarī ketika mengulas ayat 228 surah al-Baqarah,<sup>45</sup> beliau menyatakan bahawa untuk memperolehi darjat kepemimpinan dalam keluarga, suami perlu memperlakukan isterinya dengan baik kerana meskipun ayat tersebut disusun dalam bentuk pemberitahuan, tetapi maksudnya merupakan perintah kepada suami.<sup>46</sup>

Demikian juga Ibn 'Abbās menyatakan bahawa kelebihan yang dimiliki suami dalam rumah tangga merupakan satu bentuk galakan kepada suami agar memperelokkan pergaulan dan melapangkan isterinya dalam soal harta dan akhlak. Memberi kemaafan dan bersikap tolak-ansur kepada isteri mengenai beberapa tanggungjawab isteri meskipun suami melaksanakan semua tanggungjawabnya terhadap isterinya.<sup>47</sup>

Justeru, untuk menjadi pemimpin dalam keluarga, suami perlu melayani isterinya dengan baik. Tuntutan melayani isteri dengan baik ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

وَعَاشُرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

*"Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu)  
dengan cara yang baik."*

(Surah al-Nisā', 4: 19)

Tuntutan bergaul baik dengan isteri dalam ayat ini bermaksud memperelokkan kata-kata dan tingkah laku kepada isteri, tidak menyakitinya dan bersikap belas ihsan terhadapnya. Termasuk dalam maksud bergaul secara baik dengan isteri dalam hal berkaitan nafkah, iaitu tidak menyempitkan dan mempersulitkan.<sup>48</sup>

Menurut al-Ghazālī, berbuat baik kepada isteri tidak hanya dalam pergaulan, bahkan merangkumi perasaan seperti menahan perasaan marah

<sup>44</sup> Ibn al-'Arabī, Abū Bakr Muḥammad bin 'Abd Allāh, *Aḥkām al-Qur'ān*, 530.

<sup>45</sup> وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرَّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ

<sup>46</sup> Al-Tabarī, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr, *Tafsīr al-Tabarī min Kitābihi Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl al-Qur'ān*, 33.

<sup>47</sup> Al-Qurtubī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr, *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, 54.

<sup>48</sup> Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*, 24; al-Sa'dī, 'Abd al-Rahmān bin Nāṣir, *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalam al-Mannān* (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2002), 184.

dan bersabar dengan karenahnya yang menyakitkan serta memperlakukannya dengan lembut dan memberi maaf ketika dia beremosi dan marah.<sup>49</sup>

Tuntutan melayani isteri dengan baik dan tidak menyakitinya sama ada dengan kata-kata mahupun dengan perbuatan adalah satu bentuk perlindungan yang dapat menjamin kesejahteraan emosi dan kesihatan mental isteri. Oleh yang demikian, suami bertanggungjawab mengusahakan dan memastikan situasi dalam keluarganya kondusif didiami, jauh daripada emosi dan energi yang negatif. Hal ini kerana kepemimpinan suami hendaklah mengambil kira aspek perlindungan sebagai matlamatnya dalam apa jua keadaan.

## 2. Didikan dan Bimbingan

Fungsi kepemimpinan suami dalam sesebuah keluarga seterusnya adalah memberikan didikan dan bimbingan kepada keluarganya. Ulama bersepakat menyatakan bahawa suami sebagai pemimpin keluarga bertanggungjawab mendidik, membimbing dan mengajar isterinya berdasarkan firman Allah SWT:

الرَّجُلُ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّدَلِحَتُ قَنِيتُ حَفِظَتُ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُنَ شُوَّهَتْ فَعَظُوْهُتْ وَأَهْجَرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَصْرِيُوْهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا نَبْغُوْا عَلَيْهِنَّ سَيِّلًا

*“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga*

<sup>49</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn* (Lubnān: Dār Ibn Ḥazm, 2005), 481.

*mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka”.*

(Surah al-Nisā, 4: 34)

Ayat ini menjelaskan suami sebagai pemimpin keluarga mempunyai autoriti dan obligasi mendidik dan mengajar isterinya agar tidak berlaku nusyuz atau ingkar pada perkara-perkara yang menjadi kewajipannya. Lantaran itu, suami sebagai pemimpin bertanggungjawab membimbangi isterinya agar dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik sama ada tanggungjawab sebagai isteri maupun sebagai ibu agar selaras dengan kehendak Islam.<sup>50</sup>

Tidak hanya itu, sebagai pemimpin keluarga, suami bertanggungjawab mendidik dan membimbangi isteri dan keluarganya dalam hal berkaitan agama. Ini kerana Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا فُوَّأَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِكُمْ نَارًا

*“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka.”*

(Surah al-Taḥrīm, 66: 6)

Allah SWT memerintahkan suami sebagai pemimpin dalam keluarga agar memelihara dirinya dan ahli keluarganya daripada api neraka. Hal ini dapat dicapai dengan mengerjakan amalan ketaatan dan meninggalkan segala bentuk kemaksiatan kepada Allah SWT. Sementara memelihara ahli keluarga daripada api neraka dengan cara menyuruh mereka melakukan ketaatan dan melarang mereka melakukan maksiat serta mengajarkan dan mendidik mereka ketaqwaan.<sup>51</sup> Seorang pemimpin tidak selamat di hadapan Allah SWT melainkan setelah dirinya dan mereka yang di bawah jagaannya iaitu isteri dan anak-anaknya melaksanakan segala perintah Allah SWT.<sup>52</sup>

<sup>50</sup> Sri Suhandjati, “Kepemimpinan Laki-laki dalam Keluarga: Implementasi pada Masyarakat Jawa”, *Jurnal Theologia*, vol. 28, no.2 (2017): 329-350.

<sup>51</sup> Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr, *Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābihī Jāmi’ al-Bayān ‘an Ta’wīl al-Qur’ān*, 330; Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, 167; al-Baghawī, Abū Muḥammad al-Ḥasan bin Maṣ‘ūd bin Muḥammad bin al-Farrā’, *Tafsīr al-Baghawī*, 167.

<sup>52</sup> Al-Sa‘dī, ‘Abd al-Rahmān bin Nāṣir, *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*, 1030.

Seorang pemimpin keluarga bertanggungjawab mengajar keluarganya perkara-perkara yang boleh memelihara mereka daripada api neraka.<sup>53</sup> Misalnya mengajarkan ilmu pengetahuan agama yang cukup dan memastikan mereka melaksanakan perintah agama dan menjauhkan segala larangannya seiptimana firman Allah SWT:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا

*“Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya”.*

(Surah Taha, 20: 132)

Bahkan menurut al-Ghazālī,<sup>54</sup> suami wajib mengajar isterinya hukum-hukam berkaitan dengan haid, *istihādah*, solat dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Walau bagaimanapun, sekiranya suami tidak mampu mengajarkan sendiri, maka dia wajib menanggung pembiayaan isteri untuk tujuan menuntut ilmu agama.

Hal ini menunjukkan kepemimpinan suami dalam keluarga mempunyai fungsi yang sangat penting bagi memastikan isteri dan anak-anak mendapat didikan dan bimbingan dalam hal agama dan keluarga. Bahkan suami bertanggungjawab memberi pengajaran kepada ahli keluarganya agar tidak mengabaikan kewajipan agama dan keluarga serta tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam agama. Dengan sebab itu, kepemimpinan yang mengabaikan fungsi ini mengakibatkan keluarga terdedah dengan risiko kerosakan dan kemusnahan. Misalnya suami yang meremehkan nusyuz isteri dan tidak mempraktikkan kaedah pendidikan dan pengajaran sebagaimana yang disarankan Islam telah megakibatkan permasalahan rumah tangga berlarutan dan membawa kepada keretakan rumahtangga.<sup>55</sup>

### 3. Kawalan dan Pengawasan

Kawalan dan pengawasan terhadap ahli keluarga dari masa ke semasa satu lagi fungsi penting kepemimpinan keluarga. Memberikan didikan sahaja tanpa kawalan dan pengawasan tidak memadai dalam memastikan isteri dan

<sup>53</sup> Ibn Baṭṭāl, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Mālik, *Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*, vol. 7 (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2000), 296.

<sup>54</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 487.

<sup>55</sup> Junainah Hanim Mohamed Nor, ‘Ta’dib Zawjat: Kajian di Unit Runding Cara Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Perak’, 149.

ahli keluarga tidak terjebak dengan anasir negatif dan menyimpang daripada batas-batas agama yang merosakkan. Hari ini masalah isteri curang semakin menjadi-jadi dan membimbangkan, dapatan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) mendapati isteri curang menjadi faktor kedua berlakunya perceraian di Malaysia.<sup>56</sup>

Oleh kerana itu, suami sebagai pemimpin kepada isterinya dituntut untuk sentiasa prihatin dan peka dengan keadaan isterinya kerana kata *qawwāmūn* itu sendiri merujuk kepada orang yang bertanggungjawab terhadap hal-ehwal isteri dan prihatin dengan keadaannya.<sup>57</sup> Suami berhak mengatur hal ehwal isterinya dan bertanggungjawab menjaganya dengan baik.<sup>58</sup> Kawalan dan pengawasan tidak bermaksud mengongkong tetapi menetapkan batasan dan had tertentu dalam beberapa perkara yang perlu dipatuhi, misalnya dalam aspek pergaulan, pakaian, penglibatan aktiviti luar rumah dan seumpamanya.

Selaras dengan fungsi ini, justeru dalam Islam suami dianjurkan agar ada perasaan cemburu yang dapat memelihara dan membentengi isteri dan keluarganya daripada melakukan perkara-perkara haram. Bukan cemburu yang keterlaluan tetapi cemburu yang bermaksud suami tidak larai daripada perkara-perkara yang boleh menimbulkan penyelewengan atau mengakibatkan kecurangan isterinya.<sup>59</sup> Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ مِنَ الْغَيْرَةِ مَا يُحِبُّ اللَّهُ وَمِنْهَا مَا يَعْ恨ُ اللَّهُ  
فَالْغَيْرَةُ فِي الرِّبِّيَّةِ. وَأَمَّا الْغَيْرَةُ الَّتِي يَعْ恨ُ اللَّهُ فَالْغَيْرَةُ فِي غَيْرِ رِبِّيَّةٍ.

“Sesungguhnya di antara bermacam-macam cemburu itu ada yang disukai Allah dan ada yang dibenci Allah. Adapun cemburu yang disukai Allah ialah cemburu pada hal yang meragukan. Dan adapun cemburu yang dibenci Allah ialah cemburu pada hal yang tidak meragukan.”<sup>60</sup>

Menurut al-Shawkānī, antara contoh cemburu pada hal yang meragukan adalah cemburu seorang lelaki terhadap mahramnya ketika melakukan

<sup>56</sup> Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga dan Negara, *Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima 2014* (Kuala Lumpur: LPPKN, 2016), 24.

<sup>57</sup> Ibn Manzūr, Jamal al-Dīn Muhammad bin Mukrim, *Lisān al-‘Arab*, 503.

<sup>58</sup> Sila rujuk perbincangan sebelum ini mengenai “maksud kepemimpinan suami”

<sup>59</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 484.

<sup>60</sup> Al-Nasā’ī, Abū ‘Abd al-Rahmān Aḥmad bin Shu’ayb, *al-Sunan al-Kubrā*, vol. 3 (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 2001), 61, ‘Kitāb al-Zakāh’, ‘Bāb al-Ikhtiyāl fī al-Ṣadaqah’, no. hadis 2350.

perkara-perkara yang diharamkan.<sup>61</sup> Justeru, suami yang ada perasaan cemburu terhadap isterinya tidak akan membiarkan isterinya bergaul bebas, mendedahkan aurat di hadapan bukan mahramnya, berhias secara berlebihan, mengenakan pakaian yang menimbulkan fitnah dan sebagainya. Sebaliknya suami yang tidak memerhatikan isterinya sehingga isterinya melakukan perkara-perkara haram dan maksiat dianggap dayus sebagaimana dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis;

ثلاثة لا يدخلون الجنة أبداً: الديوث من الرجال، والرجلة من النساء،  
ومدمن الخمر.» فقالوا: يا رسول الله أمّا مدمن الخمر فقد عرفناه، ما  
الديوث من الرجال؟، قال: «الذى لا يبالي من دخل على أهله.

*“Tiga golongan yang tidak memasuki syurga sampai bila-bila iaitu lelaki yang dayus, wanita yang menyerupai lelaki dan orang yang ketagih arak.” Lalu para sahabat berkata: “Wahai Rasulullah! Kami telah faham maksud orang yang ketagih arak, tetapi apakah itu lelaki yang dayus? Nabi SAW bersabda: “Iaitu orang yang tidak mempedulikan siapa yang masuk bertemu dengan ahlinya (isteri dan anak-anaknya”.*<sup>62</sup>

Berdasarkan hadis, sebahagian ulama termasuk Ibn Taymiyyah mengatakan dayus adalah umum kepada setiap lelaki yang tidak mempunyai perasaan cemburu terhadap keluarganya dan mahramnya<sup>63</sup> dengan membiarkan mereka melakukan kemungkaran seperti berhias secara berlebih-lebihan, bergaul bebas dengan bukan mahramnya dan sebagainya.

Anjuran seorang suami agar ada perasaan cemburu terhadap isterinya menunjukkan suami sebagai pemimpin keluarga sewajarnya peka dan prihatin dengan keadaan isteri dan ahli keluarganya. Pengawasan dan kawalan daripada pemimpin keluarga sangat penting bagi menutup kemungkinan keluarganya terlibat dengan perkara-perkara negatif dan haram yang merosakkan.

Walau bagaimanapun, kepemimpinan suami dalam keluarga tidak akan berfungsi dengan baik tanpa mengambil kira perkara-perkara di bawah sebagai asas penting dalam kepemimpinan.

<sup>61</sup> Al-Shawkānī, Muḥammad ‘Alī, *Nayl al-Awṭār* (Riyāḍ: Dār Ibn al-Jawzī, 1427H), 106.

<sup>62</sup> Al-Ṭabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad, *al- Mu’jam al-Kabīr*; vol. 12 (al-Qāhirah: Maktabah Ibn Taymiyyah, 2008), 302, ‘Bāb al-‘ayn’, no. hadis 13180.

<sup>63</sup> Ibn Taymiyyah Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm, *Majmū’ Fatāwā* (al-Madīnah: Mujamma’ al-Malik Fahad, 2004), 141.

## ASAS KEPEMIMPINAN SUAMI DALAM KELUARGA

Meskipun suami sebagai pemimpin keluarga mempunyai autoriti dan obligasi mengatur, mengurus bahkan mendidik isterinya, ini tidak bermakna suami boleh menjalankan kepemimpinannya mengikut kehendak dan pertimbangannya semata-mata tanpa dipandu agama. Justeru, perkara-perkara berikut perlu dijadikan asas dalam kepemimpinan bagi memastikan kepemimpinan suami tidak tersasar daripada tujuannya, iaitu;

### 1. Berpandukan al-Quran dan Sunnah

Konsep kepemimpinan dalam Islam berteraskan manusia sebagai khalifah Allah SWT yang diberikan tanggungjawab memakmurkan alam ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

*“Ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”.*

(Surah al-Baqarah, 2: 30)

Oleh itu, kuasa memimpin seorang pemimpin tidak bersifat mutlak dan tidak terpisah daripada tuntutan Allah SWT. Seorang pemimpin bertanggungjawab memastikan kepemimpinannya dijalankan sesuai dengan garis panduan Allah SWT dengan menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai sumber kepemimpinan. Ini kerana Rasulullah SAW bersabda:

تَرَكْتُ فِيمَا كُمْ أَمْرِينِ لَنْ تَضَلُّوا مَا تَمْسَكْتُمْ بِهَا كِتَابَ اللَّهِ وَسِنَّةَ نَبِيِّهِ

*“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang engkau tidak akan sesat selama-lamanya selagimana engkau berpegang kepada keduanya; Kitab Allah (Quran) dan Sunnah nabiNya.”*<sup>64</sup>

Rasulullah SAW menegaskan bahawa al-Quran dan sunnah merupakan dua sumber utama yang perlu dijadikan rujukan dan panduan manusia dalam segenap perkara. Berpegang teguh kepada kedua-duanya, manusia akan

<sup>64</sup> Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin ‘Abd al-Bār, *Tamhīd Limā fī al-Muwaṭṭa’ min al-Ma’ānī wa al-Asānīd*, vol. 14 (al-Qāhirah: al-Fāruq al-Hadīthah, 2001), 384, hadis riwayat Mālik, ‘Kitāb al-Qadr’, ‘Hadīth 32 min al-Balāghāt’.

terpelihara, dan mendapat petunjuk ke jalan yang lurus.<sup>65</sup> Menurut Ibn Baṭṭāl siapa yang menjalankan hukuman berdasarkan apa yang diturunkan Allah SWT iaitu al-Quran dan Sunnah maka dia berhak diberikan ganjaran pahala.<sup>66</sup> Sebaliknya manusia, khususnya pemimpin yang mengambil selain al-Quran dan Sunnah sebagai rujukan dan panduan dalam kehidupan mahupun dalam menjalankan kepimpinannya dianggap zalim, fasik dan kufur.

## 2. Dijalankan dengan Amanah dan Adil

Kepemimpinan merupakan amanah dari Allah SWT yang akan dipersoalkan kelak di hadapanNya. Menjalankan kepemimpinan bererti menjalankan amanah Allah SWT, firmanNya:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil”.

(Surah al-Nisā, 4: 58)

Allah SWT memerintahkan manusia menunaikan amanah kepada mereka yang berhak menerimanya dan menjalankan hukuman dengan adil. Menurut al-Tabarī, ayat ini ditujukan kepada pemimpin agar menunaikan hak umat Islam dan urusan-urusan mereka yang telah diamanahkan kepadanya dengan adil.<sup>67</sup> Sementara menurut al-Sa’dī, amanah dalam ayat ini merujuk kepada setiap perkara yang telah diamanahkan kepada manusia dan diperintahkan kepadanya untuk dilaksanakan termasuk amanah berkaitan kekuasaan.<sup>68</sup>

Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجَبَالِ فَأَبَيْتَ أَن يَحْمِلُنَا

<sup>65</sup> Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allah bin Muḥammad bin ‘Abd al-Bār, *Tamhīd Limā fī al-Muwaṭṭa’ min al-Ma’ānī wa al-Asānīd*, 384.

<sup>66</sup> Ibn Baṭṭāl, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalf, *Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 213.

<sup>67</sup> Al-Tabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazid bin Kathīr, *Tafsīr al-Tabarī min Kitābihi Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl al-Qur’ān*, 491.

<sup>68</sup> Al-Sa’dī, ‘Abd al-Rahmān bin Nāṣir, *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*, 198.

وَأَشْفَقَنَ مِنْهَا وَجْهَهَا إِلَى نَسْنَةٍ

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya”.

(Surah al-Ahzāb, 33: 72)

Ayat ini menggambarkan amanah adalah sesuatu yang sangat berat dan sukar untuk dijaga dan dilaksanakan, lantaran itu langit, bumi dan gunung-ganang tidak sanggup memikulnya kecuali manusia kerana potensi yang dimiliki membolehkannya menunaikan amanah dengan baik.<sup>69</sup> Amanah dalam ayat ini menurut Ibn ‘Āshūr bermaksud segala sesuatu yang diamanahkan kepada seseorang untuk dipelihara dan ditunaikan sebaik mungkin dan berusaha menghindarkan sebarang bentuk pengabaian amanah sama ada secara sengaja, lupa atau lalai.<sup>70</sup>

Ini menunjukkan kepemimpinan merupakan satu bentuk amanah yang perlu dipelihara dan dijalankan dengan amanah, iaitu penuh sifat tanggungjawab dan adil. Menegakkan keadilan pada asasnya dituntut dalam semua perkara, lebih-lebih lagi dalam hal kepemimpinan. Tuntutan berlaku adil bagi seorang pemimpin adalah lebih utama lagi kerana pemimpin merupakan individu yang diamanahkan menjaga dan melakukan kebaikan kepada mereka yang berada di bawah pengawasannya. Oleh sebab itu, pemimpin yang adil mempunyai kedudukan istimewa di Akhirat kelak sebagaimana dikhabarkan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis:

إِنَّ الْمُقْسِطِينَ عِنْدَ اللَّهِ عَلَى مَنَابِرِ مِنْ نُورٍ، عَنْ يَمِينِ الرَّحْمَنِ عَزَّ وَجَلَّ، وَكُلُّتَا  
يَدِيهِ يَمِينٌ، الَّذِينَ يَعْدِلُونَ فِي حُكْمِهِمْ وَأَهْلِيهِمْ وَمَا لَوْا.

“Orang-orang yang berlaku adil berada di sisi Allah di atas mimbar yang terbuat dari cahaya, di sebelah kanan Tuhan yang bersifat al-Rahman ‘Azza Wajalla, mereka ialah orang-orang yang berlaku adil dalam hukuman mereka, adil dalam keluarga

<sup>69</sup> M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*, vol.11 (Jakarta: Lentera Hati, 2002), 322.

<sup>70</sup> Ibn ‘Āshūr, Muhammad Tāhir, *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, vol. 22 (Tūnis: Dār al-Tūnisiyyah, 1984), 126.

*mereka dan adil kepada orang yang dibawah tanggungjawab mereka.”<sup>71</sup>*

Pemimpin adil yang dikurniakan kedudukan istimewa di sisi Allah SWT di akhirat kelak menurut hadis adalah mereka yang berlaku adil dalam kepemimpinannya, pemerintahannya, dalam menjalankan hukuman, dalam memerhatikan urusan anak yatim, sedekah dan waqaf serta adil dalam menunaikan hak-hak keluarganya.<sup>72</sup>

Daripada hadis tersebut, dapat disimpulkan bahawa pemimpin keluarga yang adil adalah yang menunaikan hak-hak keluarganya. Keadilan merupakan bukti dari nilai kasih sayang. Suami yang adil akan berusaha memotivasiikan ahli keluarganya untuk melakukan hal yang terbaik demi mencapai kebahagian hidup di dunia dan akhirat.<sup>73</sup> Sebaliknya pemimpin yang zalim sering mengabaikan hak-hak keluarganya. Termasuk dalam hal yang dianggap zalim apabila suami bertindak mengasingkan atau meninggalkan tempat tidur kerana memberi pengajaran kepada isterinya yang nusyuz tanpa menasihatinya terlebih dahulu.<sup>74</sup> Lantaran itu, tindakan suami menceraikan isteri atas alasan nusyuz tanpa diselidiki terlebih dahulu punca yang membawa kepada nusyuz isteri sudah tentu lebih zalim. Hal ini kerana boleh jadi hak-hak isteri yang tidak ditunaikan suami membawa kepada tindakan nusyuz isteri. Justeru, kepemimpinan yang diasaskan pada neraca keadilan sangat penting bagi mengelakkan penganiayaan dan pengabaian hak-hak isteri mahupun anak-anak.

### 3. Diasaskan pada Kasih Sayang dan Belas Kasihan

Kepemimpinan suami dalam keluarga tidak seperti majikan dengan pekerja mahupun ketua dengan orang bawahannya tetapi kepemimpinan suami diasaskan pada kasih sayang dan belas kasihan kerana asas hubungan antara suami isteri adalah saling mewujudkan ketenteraman dan ketenangan, kasih sayang dan belas kasihan<sup>75</sup> sepetimana dalam firman Allah SWT yang berikut:

<sup>71</sup> Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 886, ‘Kitāb al-Imārah’, ‘Bāb Faḍīlah al-Imām al-‘Ādil’, no. hadis 1827.

<sup>72</sup> Al-Nawawī, Abū Zakariyā Muhyi al-Dīn Yahyā bin Sharaf, *al-Minhāj Sharh Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 11 (Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, 2005), 416.

<sup>73</sup> Ukasyah Habibu Ahmad, *Ya Rabbi Lancarkan Rezeki Kami* (Yogyakarta: Laksana, 2018), 126.

<sup>74</sup> Muhammad bin Ibrāhīm Aḥmad, *Min Akhṭā al-Azwāj* (Riyāḍ: Dār Ibn Huzaymah, 1999), 83.

<sup>75</sup> ‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Muṣaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa Bayt al-Muslim fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah* (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 1993), 278.

وَمِنْ أَيْمَنِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ  
بَيْنَكُمْ مَوْدَةً وَرَحْمَةً

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.”

(Surah al-Rūm, 30: 21)

Kepemimpinan yang diasaskan pada rasa kasih dan belas pada isteri dapat mengelakkan kepemimpinan yang bersifat diktator yang mengakibatkan penganiayaan dan kemudaratan kepada isteri.<sup>76</sup> Perbuatan menyakiti mahupun menganiaya isteri sangat dilarang dalam Islam. Hal ini terkandung dalam hadis Rasulullah SAW berikut:

ما حق المرأة على الزوج قال أن يطعمها إذا طعم وأن يكسوها إذا اكتسي  
ولا يضرب الوجه ولا يقبح ولا يهجر إلا في البيت.

“Apakah hak seorang perempuan terhadap suaminya?” Nabi menjawab engkau berikan makan apabila engkau makan dan engkau berikan pakaian apabila engkau berpakaian, dan janganlah engkau memukulnya pada wajah dan jangan mencaci makinya dan jangan meninggalkannya kecuali di rumah.”<sup>77</sup>

Dalam kaitan ini, menurut Sayyid Sābiq suami berkewajipan menghormati isterinya, memperelokkan pergaulan dengannya, memperlakukannya dengan wajar, mendahulukan kepentingannya yang wajar didahulukan untuk menyenangkan hatinya, lebih bersikap menahan diri dari sikap kurang menyenangkan di hadapannya serta bersabar dengan isterinya.<sup>78</sup> Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nisā:

وَعَاشُرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهُنْمُوْهُنَّ فَعَسَىَ أَنْ تَكْرَهُوْا شَيْئًا  
وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ١٦

<sup>76</sup> ‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Muṣaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa Bayt al-Muslim fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah*, 278.

<sup>77</sup> Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Fazwīni, *Sunan Ibn Mājah*, vol. 1 (t.t.p: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, 2009), 593-594, ‘Kitāb al-Nikāh’, ‘Bāb Ḥaqq al- Mar’ah ‘alā al-Jawz, no. ḥadīth 1850.

<sup>78</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2004), 594.

*“Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasa) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)”.*

(Surah al-Nisā’, 4: 19)

Bergaul dengan cara yang baik dalam ayat ini merupakan kunci kepada perhubungan suami isteri dalam rumah tangga. Kepemimpinan berdasarkan kasih sayang dan belas kasihan dapat menghindarkan kekerasan dan kezaliman dalam rumah tangga. Selain dapat mewujudkan kerjasama, menumbuhkan kemesraan dan keharmonian dalam perhubungan. Teguran, nasihat dan bimbingan daripada suami mudah dituruti dan dilaksanakan oleh isteri dengan rela hati kerana isteri terasa dirinya dihargai dan disayangi dan mendapat perhatian suami.<sup>79</sup>

#### 4. Mengamalkan Keterbukaan dan *Mushāwarah*

Salah satu prinsip penting dalam kepemimpinan Islam adalah *mushāwarah*.<sup>80</sup> Nabi Muhammad SAW bersama sahabatnya mempraktikkan prinsip *mushāwarah* dalam setiap keputusan yang diambil melibatkan kepentingan publik.<sup>81</sup> Al-Quran menjelaskan pemimpin-pemimpin Islam wajib mengadakan syura dengan orang-orang yang mempunyai pengetahuan atau orang-orang Islam yang dapat memberikan pandangan yang baik, firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ أَسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

*“Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka”.*

(Surah al-Shurā, 42: 38)

Firman Allah SWT lagi:

<sup>79</sup> Fauziah, Mohamad, *Rahsia Kepemimpinan Suami dalam Rumahtangga* (Johor: Perniagaan Jahbersa. 1996), 80.

<sup>80</sup> Diambil daripada kata *shawara* berasal daripada Bahasa Arab yang bermaksud berunding, berbincang dan bermesyuarat.

<sup>81</sup> Muhammad Harflin Zuhdi, ‘Konsep Kepemimpinan dalam Perspektif Islam’, *Jurnal Akademia*, vol.19, no.1 (Jan-Julai 2014): 35-56.



وَشَارِهُمْ فِي الْأَمْرِ إِنَّمَا عَزَّمَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

*“Bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu, kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.”*

(Surah ‘Āli ‘Imrān, 3: 159)

Menurut al-Sa’dī amalan bermushāwarah dianjurkan pada perkara-perkara yang memerlukan perbincangan, pandangan dan buah fikiran. Ini kerana amalan bermushāwarah mempunyai banyak kelebihan dan manfaat dari sudut agama mahupun urusan dunia.<sup>82</sup> Amalan bermushāwarah merupakan ibadah yang dapat mendekatkan kepada Allah SWT. Selain itu, keputusan yang diambil hasil daripada mushāwarah lebih adil dan dapat diterima dengan baik kerana ia berdasarkan hasil perbincangan dan permuafakatan bersama yang mengambil kira maslahat semua.

Demikian juga pemimpin keluarga sewajarnya mempraktikkan mushāwarah sebagai asas dalam kepemimpinannya. Setiap ahli keluarga diberi ruang dan peluang untuk mengutarakan pandangan masing-masing tentang sesuatu isu atau permasalahan dalam keluarga. Isteri mempunyai hak untuk bermushāwarah dan melakukan tawar menawar dalam hal-ehwal berkaitan keluarga dengan suami selagimana ada kebaikan dan manfaat kepada keluarganya dan tidak bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Menurut al-Khaṭṭābī, termasuk dalam tanggungjawab isteri sebagai pemimpin dalam rumahtangga adalah menasihati suami dalam hal-hal berkaitan urusan rumah, anak-anak dan pembantu rumah<sup>83</sup> kerana hal-hal demikian dalam wilayah pengetahuan dan pengawasan isteri.

Justeru, suami sebagai pemimpin seharusnya bersifat terbuka menerima pandangan, teguran mahupun nasihat daripada isteri demi kebaikan keluarganya. Permuafakatan suami isteri dalam hal rumahtangga ini sangat dianjurkan misalnya dalam hal penyusuan anak, sebagaimana terakam dalam al-Quran:

فَإِنْ أَرَادَا فِصَا لَا عَنْ تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَشَاءُرِ فَلَا مُنَاجَعَ عَلَيْهِمَا

<sup>82</sup> Al-Sa’dī, ‘Abd al-Rahmān bin Nāṣir, *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalam*, 164.

<sup>83</sup> Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajr, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, vol. 16 (Riyāḍ: Dār al-Tayyibah, 2011), 610.

*“Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya) ”.*

(Surah al-Baqarah, 2: 233)

Kepemimpinan yang mengamalkan keterbukaan dan *mushāwarah* dapat memupuk komunikasi dua hala yang berkesan seterusnya dapat mengelakkan masalah komunikasi dan salah faham antara suami isteri mahupun ibu bapa dan anak-anak.

## 5. Menunjukkan Akhlak dan Teladan yang Baik

Kepemimpinan yang baik dan berkesan adalah kepemimpinan yang berjaya menginspirasikan orang lain untuk melakukan kebaikan dan menjadi teladan yang baik, firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا فُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَاجْعَلْنَا لِلنَّبِيِّنَ إِمَامًا

*“Dan juga mereka (yang diredaya Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa.”*

(Surah al-Furqān, 25: 74)

Kata *imāman* dalam ayat di atas membawa maksud pemimpin yang menjadi contoh teladan dan ikutan dalam hal kebaikan.<sup>84</sup> Justeru pemimpin di peringkat mana sekalipun hendaklah mempunyai keperibadian yang baik dan menunjukkan akhlak yang terpuji kerana setiap percakapan mahupun perbuatannya menjadi teladan dan ikutan.

Kemimpinan melalui teladan sangat penting dalam proses kepemimpinan lebih-lebih lagi dalam lingkungan keluarga kerana ibu bapa adalah *role-model* bagi anak-anak. Anak-anak akan meniru dan mengikuti percakapan mahupun

<sup>84</sup> Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā’īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, 216; al-Qurtubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qurān*, 489; al-Baghawī, Abū Muḥammad al-Ḥasan bin Maṣ’ūd bin Muḥammad bin al-Farrā’, *Tafsīr al-Baghawī*, 99.

perbuatan bapa dan ahli keluarga yang lain sama ada baik mahupun buruk. Dengan sebab itu, kegagalan pemimpin keluarga menjadi *role model* kepada anak-anak mengakibatkan mereka terlibat dengan gejala-gejala negatif.<sup>85</sup>

## KESIMPULAN

Kepemimpinan suami dalam perspektif Islam mempunyai pengertian yang luas dan menyeluruh, terangkum padanya kewajipan dan fungsi terpenting dalam sebuah keluarga iaitu memberi perlindungan fizikal, mental dan emosi, memberi didikan dan bimbingan serta melakukan kawalan dan pengawasan terhadap ahli keluarga. Memahami konsep kepemimpinan keluarga dengan betul, menjalankan tanggungjawab kepemimpinan dengan baik serta mempraktikkan kepemimpinan berasaskan nilai-nilai Islam mampu memberi impak positif kepada keutuhan dan kefungsian keluarga. Sebaliknya kegagalan suami memahami dan menggalas tanggungjawab kepemimpinan dengan baik serta mempraktikkan kepemimpinan sebagaimana digariskan Islam mengakibatkan pelbagai permasalahan rumah tangga yang kritikal. Oleh yang demikian, kepemimpinan suami dalam keluarga sewajarnya diberi perhatian dan diperkasa sebagai aspek penting dalam memperkuatkan institusi keluarga di Negara ini. Sudah tiba masanya peranan dan fungsi suami dalam keluarga diperkasa kerana suami merupakan pemimpin utama dalam sebuah keluarga yang akan menentukan keberhasilan sebuah keluarga.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa Bayt al-Muslim fī al-Shari’ah al-Islamiyyah* (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 1993).
- Abdullah, Yusuf Ali, *Tafsir Yusuf Ali Teks, Terjemahan dan Tafsir Quran 30 juz*, vol. 1, Terjemah Ali Audah (Jakarta: Pustaka Litera AntarNusa, 2009).
- Abe Sohpian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar, ‘Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010,’ *Jurnal Islamiyyat* (2014): 5-20.
- Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Mālik, *Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī li Ibn Baṭṭal*, vol. 7 (Riyād: Maktabah al-Rushd, 2000).

<sup>85</sup> Sharifah Meriam, Saedah Abd Ghani, Othman Ab. Rahman, Muhamad Zaki Mustafa, ‘Transformasi dalam Kepimpinan Institusi Keluarga’, *Prosiding International Conference On Islamic Leadership - 2 (ICIL)* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2012), 405-425.

- Abū Muhammad ‘Abd al-Haq bin ‘Atiyyah, *al-Muharrir al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīm* (T.t.p.: Dār Ibn Ḥazm, 2010).
- Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin ‘Abd al-Bār, *Tamhīd Limā fī al-Muwatṭa’ min al-Ma’ānī wa al-Asānīd*, vol. 14 (Qāhirah: al-Fāruq al-Hadīthah, 2001).
- Asmawati Desa, Fatimah Yusoff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba’yah Abdul Kadir, Mohd Norahim Mohamed Sani, ‘Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga dan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibubapa’, *Jurnal Psikologi Malaysia* (2015): 32-42.
- ‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, vol. 23 (Bayrūt: al-Risālah al-‘Ālamiyah, 2013).
- Asral Puadi, ‘Peranan Suami dalam Membangun Keluarga Sakinah,’ (Tesis Doktor Falsafah, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2008).
- Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Jasmi, ‘Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri dalam Kalangan Orang-orang Melayu’, dalam *Konflik dan Krisis Institusi Keluarga*, ed. Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin, Che Hashim Hassan (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn. Bhd., 2006).
- Al-Baghawī, Abū Muḥammad al-Ḥasan bin Mas‘ūd bin Muḥammad bin al-Farrā’, *Tafsīr al-Baghawī*, vol. 1 (Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy, 1420H).
- Fauziah, Mohamad, *Rahsia Kepemimpinan Suami dalam Rumah tangga* (Johor: Perniagaan Jahabersa, 1996).
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Lubnān: Dār Ibn Ḥazm, 2005).
- Ibn al-‘Arabī, Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allāh, *Aḥkām al-Qur’ān*, vol. 1 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003).
- Ibn ‘Āshur, Muḥammad Tāhir, *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*; vol. 22 (Tūnis: Dār al-Tūnisiyyah, 1984).
- Ibn Baṭṭāl, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalf, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, t.t.).
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (Riyāḍ: Dār Tayyibah, 1999).
- Ibn Manzūr, Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukrim, *Lisān al-‘Arab*, vol. 12 (Bayrūt: Dar Ṣādir, t.t.).
- Ibn Taymiyyah Aḥmad bin ‘Abd al-Halīm, *Majmū‘ Fatāwā* (al-Madīnah: Mujamma’ al-Mālik Fahad, 2004).

- Junainah Hanim Mohamed Nor, ‘Ta’dīb Zawjāt: Kajian di Unit Runding Cara Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Perak’ (Tesis Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).
- Kevin A. Galbraith, Jay D. Schvaneveldt, ‘Family Leadership Styles and Family Well-being’, *Family and Consumer Sciences Research Journal* (2005): 220-239.
- Al-Marāghī, Ahmad al-Muṣṭafā, *Tafsīr al-Marāghī*, vol. 5 (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī: 1946).
- Mariam Abd Majid, Mohammad Syafirul Zarif Salleh Hudin, ‘Perceraian Rumah tangga di Selangor Darul Ehsan dan Pendekatan Menanganinya’, *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 4, no.2 (September 2017): 285-303.
- M.Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*, vol.11 (Jakarta: Lentera Hati, 2002).
- Muhammad bin Ibrāhīm Ahmād, *Min Akhṭā al-Azwāj* (Riyāḍ: Dār Ibn Ḥuzaymah, 1999).
- Muhammad Harflin Zuhdi, ‘Konsep Kepemimpinan dalam Perspektif Islam’, *Jurnal Akademia*, vol. 19, no.1 (2014): 35-56.
- Muhammad Shams al-Haqq, ‘Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abī Dāwud, vol. 4 (Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif, 2009).
- Muhyī al-Dīn al-Nawawī, *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 11 (Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, 2005).
- Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah, Syazwana Aziz, ‘Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat: Eksplorasi Faktor’, *Jurnal Sains Sosial* 1 (2016): 36-52.
- Norfaezah Md Khalid, ‘Kesan Kefungsian Keluarga Asal, Perbezaan Kendiri dan Sikap terhadap Peranan Gender ke atas Kualiti Perkahwinan’ (Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016).
- Norizan Abdul Ghani, Iylia Nur Hanis Norris, Berhanundin Abdullah, Mohd. Fazil Ahmad, Nurdina Iman Zulkifli, Mohammad Rakibul Hasan, ‘Divorce Trends among the Malay Community in Perlis, Malaysia over a Ten Year Period 2006-2015’, *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, vol. 7/4 (2017): 271-283.
- Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr, *al-Jāmi ‘li Aḥkām al-Quran*, vol. 5 (al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964).

- Raihanah Azahari, ‘Factors Contribute to Marital Problems Among Malay Women: A Case Study in Malaysia’, *Jurnal Syariah* (2008): 245-268;
- Raihanah Azahari, ‘Permasalahan Rumahtangga: Kajian di Unit Undang-undang Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor,’ *Jurnal Syariah* 15, no. 1 (2007): 115-128.
- Al-Rāzī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Umar bin Ḥasan bin Ḥusin, *Mafātīḥ al-Ghayb al-Tafsīr al-Kabīr*, vol. 10 (Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy, 1420H).
- Al-Sa‘dī, ‘Abd al-Rahmān bin Nāṣir, *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalam al-Mannān* (Riyad: Dār al-Salām, 2002).
- Al-Sharbinī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb, *Mugnī al-Muhtāj*, vol. 5 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000).
- Al-Shawkānī, Muḥammad ‘Alī, *Nayl al-Awṭār* (Riyad: Dār Ibn al-Jawzī, 1427H).
- Sayyid Quṭb, *Tafsīr fi Zilal al-Qurān* (Selangor: Pustaka Aman Press, 2000).
- Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (al-Qāhirah: Dār al-Hadīth, 2004).
- Sharifah Meriam, Saedah Abd Ghani, Othman Ab. Rahman, Muhamad Zaki Mustafa, ‘Transformasi dalam Kepimpinan Institusi Keluarga’, *Prosiding International Conference On Islamic Leadership - 2 (ICIL)* Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2012): 405-425.
- Sri Suhandjati, ‘Kepemimpinan Laki-Laki dalam Keluarga: Implementasi pada Masyarakat Jawa,’ *Jurnal Theologia*, vol. 28, no. 2 (2017): 329-350.
- Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazid bin Kathīr, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, vol. 8 (T.t.p.: Mu’assasah al-Risālah, 2000).
- Al-Ṭabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad, *al-Mu‘jam al-Kabīr* (Bayrūt: Mu’assasah al-Rayyān, 2010).
- Ukasyah Habibu Ahmad, *Ya Rabbi Lancarkan Rezeki Kami* (Yogyakarta: Laksana, 2018).
- Yūsuf al-Qaradawi, *Flexibility Islam* (Selangor: Syabab Book Link, 2012).
- Al-Zamkhasharī, Abū al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar, *Tafsīr al-Kashāf* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 2009).
- Zulkifli Dahalan, ‘Krisis Rumahtangga di Kalangan Pasangan Islam: Kajian Terhadap Kes-Kes yang Dilaporkan di Mahkamah Syariah Bukit Mertajam’, *ESTEEM Academic Journal* (2003): 59-66.